

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 MAC 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12

Kerajaan perlu laksana program penstabilan harga, elak rakyat terus terhimpit

Kerajaan perlu laksana program penstabilan harga, elak rakyat terus terhimpit

KUALA LUMPUR - Program penstabilan dan penyeragaman harga perlu dilaksanakan secara berterusan bagi mengelak rakyat terus terhimpit dengan kos sara hidup.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah kerajaan harus melaksanakan program pengedaran barangan dan penguatkuasaan bagi memastikan kos barangan keperluan harian tidak membebankan rakyat.

"Beta mengalu-alukan inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia dan Program Jualan Malaysia bagi menyokong pemulihan ekonomi domestik. Program ini berupaya menawarkan sumber pekerjaan dan pendapatan baharu melalui pemerksaan industri francais dan jualan langsung.

"Selain itu, pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia yang dilaksanakan di seluruh ne-



Al-Sultan Abdullah berkenan mencemar dulli bagi menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima, Parlimen ke-14 di Dewan Rakyat pada Isnin.

gara membolehkan rakyat beta mendapatkan barangan keperluan pada harga berpatutan. Usaha ini juga selaras dengan aspirasi untuk menjaga kebajikan rakyat, mengurangkan kos sara hidup dan

meningkatkan taraf hidup rakyat beta," titah Seri Paduka.

Sementara itu, Seri Paduka menitahkan kerajaan agar menumpukan usaha membasmi miskin tegar menjelang 2025 melalui

tindakan bersepadu pelbagai pendekatan.

"Semua pihak hendaklah mengembleng tenaga dan memberikan komitmen tinggi agar taraf hidup golongan miskin tegar dapat ditingkatkan melalui peningkatan pendapatan yang mampan," titah Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong turut bertitah agar usaha memulihkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta usahawan informal yang terjejas akibat pandemik Covid-19 dan bencana banjir sangat penting dan kritikal.

"Kumpulan khusus seperti penjaja dan peniaga kecil, wanita, belia, kumpulan B40 termasuk asnaf serta golongan hilang pekerjaan perlu terus dibantu melalui program bimbingan keusahawanan dan pembiayaan yang berseesuaian.

"Pendigitalan operasi akan terus diperkukuhkan untuk mem-

bantu usahawan tempatan bangkit semula dan menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi rakyat serta pembangunan ekonomi.

"Matlamat membina bangsa usahawan dan menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan unggul akan dapat dicapai melalui inisiatif di bawah Dasar Keusahawanan Nasional 2030," titah Seri Paduka.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong menitahkan supaya tumpuan diberikan kepada penyediaan infrastruktur luar bandar yang lebih baik dan berkualiti bagi menjamin kesejahteraan masyarakat di kawasan tersebut.

Ketidakeimbangan pembangunan dan ekonomi antara kelas pendapatan, wilayah dan negeri serta antara etnik mesti dikurangkan bagi memastikan kemakmuran negara dinikmati semua secara adil, titah Seri Paduka.

- Bernama